

IBU MANGSA PUKUL AYAH TIRI

Sanggup berada di rumah bapa saudara kerana tak sanggup pulang ke rumah sendiri



Masalah ini berat untuk saya tanggung dalam usia yang masih muda. Ibu berkahwin lain selepas ayah meninggal tiga tahun lalu dan keputusan itu diputuskan ibu selepas berbincang dengan ahli keluarga. Ibu memerlukan teman dan kami memahaminya. Kami mengharapkan ibu bahagia, tapi terjadi sebaliknya.

Saya mengesyaki sesuatu berlaku pada ibu ketika pulang ke rumah ketika cuti semester. Ibu kelihatan seperti menyembunyikan sesuatu dan bersedih. Tetapi ibu belum bersedia menceritakannya kepada saya dan kakak. Selepas kembali ke universiti untuk meneruskan pengajian, ibu menelefon saya dan memberitahu dia berada di rumah bapa saudara kerana tidak sanggup berada di rumah sendiri.

Selepas didesak, ibu akhirnya mengaku dia sering dipukul dan dimaki hamun ayah tiri. Keadaan ini menjadi kritikal apabila membabitkan keganasan fizikal. Sebagai anak kedua dalam keluarga, saya mengambil tanggungjawab ini bagi melindungi hak dan kebajikan ibu.

Saya juga berbincang dengan kakak untuk tindakan sewajarnya. Saya membuat keputusan untuk melaporkan hal ini kepada pihak berwajib. Saya buntu.

BERTANGGUNGJAWAB,
Perak.

Kes yang dikongsikan ini adalah serius, justeru saya berharap anda boleh mengambil tindakan segera. Isu ini membabitkan kes keganasan rumah tangga. Ia digariskan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521). Meskipun perkongsian ini agak ringkas, namun saya merujuk kepada informasi yang dinyatakan iaitu keganasan fizikal, kecaman emosi dan membabitkan kerisauan

serta ketakutan untuk tinggal bersama. Tindakan ibu berpindah buat sementara ke rumah bapa saudara itu cukup menjelaskan keadaan yang berlaku.


Sebelum mengambil apa-apa tindakan, adalah lebih baik jika anda berbincang dengan kaum keluarga terdekat. Anda juga perlu mendapatkan keizinan ibu sebelum membuat laporan dan terangkan tujuan berbuat sedemikian. Jika anda tidak berani atau tidak tahu cara sesuai, kenal pasti seseorang dalam kalangan ahli keluarga terdekat untuk memberitahu ibu.

Seterusnya, bagi memperincikan tindakan yang perlu dilakukan, saya kongsi beberapa garis panduan dan tindakan perlu dilakukan mengikut Akta 521.

Perkara pertama dan segera perlu dilakukan adalah membuat laporan polis di mana-mana balai polis. Keduanya mendapatkan perlindungan segera di Pusat Khidmat Sepadu (One Stop Crisis Centre) yang terdapat di unit kecemasan hospital utama, mendapatkan khidmat nasihat daripada pejabat Biro Bantuan Guaman Malaysia (BBG) atau mendapatkan khidmat nasihat daripada mana-mana pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM). Anda juga boleh membawa ibu mendapatkan khidmat kaunseling dari mana-mana kaunselor yang beramal secara professional sama ada berkhidmat dengan agensi kerajaan atau badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan dengan isu keganasan.

Dalam proses itu, terdapat beberapa maklumat yang diperlukan apabila ibu anda hendak membuat laporan polis iaitu pelaku, tempat berlakunya keganasan itu, masa kejadian, jenis keganasan dan siapakah yang berada di tempat keganasan atau orang yang menyaksikan keganasan itu berlaku? (jika ada).

Seterusnya bantuan sokongan emosi kepada ibu dan ahli keluarga yang lain. Anda perlu membantu ibu mengawal emosi dan bertenang



serta mendapatkan bantuan segera. Berikan sokongan emosi untuk mengembalikan keyakinan diri daripada semua ahli keluarga, rakan, jiran tetangga, saudara-mara mahupun kaunselor. Pastikan segala bukti seperti pakaian dan sebagainya disimpan supaya tidak hilang bukti. Selepas aduan dibuat, anda perlu memastikan ibu memaklumkan kepada polis untuk mendapatkan Perintah Perlindungan Sementara (IPO). Namun ibu anda masih boleh memilih untuk mendapatkan bantuan daripada mana-mana pegawai JKM jika ancaman keganasan itu semakin kuat. Jika tidak, memadailah untuk mendapatkan perlindungan sementara

di rumah bapa saudara. Namun perlu ditegaskan di sini, jika aduan dan laporan dibuat, ibu perlu mendapatkan Perintah Perlindungan itu secara jelas mengikut peruntukan undang-undang.

Sepanjang proses ini, saya berharap anda mendapatkan bantuaun dan sokongan serta perlindungan daripada ahli keluarga yang terdekat kerana keselamatan diri adalah penting selain perlu dijaga. Usah bertindak terburu-buru tanpa mendapatkan bantuan sesiapa. Untuk maklumat yang lebih lanjut, anda boleh melayari laman web Jabatan Pembangunan Wanita atau terus menghubungi perkhidmatan Pusat Khidmat Bersepadu di negeri masing-masing.